



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 6/ 2024 (Bulan Jun 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Keutamaan Zulhijjah	7 Jun 2024M/ 29 Zulkaedah 1445H
2.	Namanya Selepas Namaku	14 Jun 2024M/ 7 Zulhijjah 1445H
3.	Bijak Merancang Lunaskan Hutang	21 Jun 2024M/ 14 Zulhijjah 1445H
4.	Fardhu Yang Disisihkan	28 Jun 2024M/ 21 Zulhijjah 1445H
6.	Khutbah Kedua	

دببایاء:



زكاة فولاو فينغ

دتریبیتکن:



جابتن حال إحوال اکام اسلام فولاو فينغ

*Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang*

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Keutamaan Zulhijjah

7 Jun 2024M/ 29 Zulkaedah 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ..الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحُسْنُ مَآبٍ ﴿١٩﴾ (سورة الرعد)

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، شَهَادَةَ الْحَقِّ وَالْيَقِينِ فِي الْخَوْفِ وَالرَّجَاءِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، وَمُصْطَفَاهُ وَخَلِيلُهُ كَانَ نَبِيًّا رَسُولًا.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَنْوَارِ الْهُدَى وَمَصَابِيحِ الدُّجَى، وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ مَا نَهَارٌ تَجَلَّى، وَمَا لَيْلٌ سَجَى.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ، وَاسْتَعِدُّوا لِيَوْمٍ لَا يَنْفَعُ فِيهِ مَالٌ وَلَا خِلالٌ، إِلَّا مَنْ آتَى اللَّهَ بِصَالِحِ الْأَعْمَالِ.

فارا تتامو جمعة يڠ دكاسيهي سكالين،

PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI,

Bertakwalah kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah.

Khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian, agar terus istiqamah mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk



kemungkaran seperti pergaulan bebas, rasuah, pecah amanah, dan sebagainya. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **Keutamaan Zulhijjah.**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita akan memasuki bulan Zulhijjah, bulan yang turut memiliki beberapa kelebihan, keistimewaan dan keutamaan terutamanya sepuluh hari pertama dari bulan Zulhijjah.

Sabda Nabi ﷺ yang bermaksud:

“Tiada hari-hari yang amalan soleh paling disukai oleh Allah untuk dilakukan melainkan hari-hari ini. Baginda maksudkan 10 hari terawal Zulhijjah.” Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, walaupun jihad pada jalan Allah tiada dapat menandinginya?” Baginda bersabda “Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya, melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama hartanya, kemudian dia langsung tidak kembali.” ﴿Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Antara keutamaan 10 hari pertama bulan Zulhijjah ialah:

Pertama: Allah bersumpah dengan sepuluh hari tersebut sepertimana firman-Nya:



وَالْفَجْرِ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾

Maksudnya: “Demi waktu fajar; dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah);”

﴿ Surah al-Fajr ayat 1-2 ﴾

Maksud “malam yang sepuluh” di dalam ayat ini ialah sepuluh hari pertama daripada bulan Zulhijjah, sebagaimana yang dikatakan oleh Ibnu Abbas, Ibnu Az-Zubair, dan beberapa ulamak lain.

Kedua: Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ memerintahkan untuk memperbanyakkan zikir.

Firman-Nya dalam surah al-Hajj ayat 28:

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنْ بَهِيمَةِ

الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِيعُوا أَلْبَاسَ الْفَقِيرِ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaannya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban). Dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.”

Kita juga disyariatkan untuk bertakbir, bertahmid dan bertahlil pada 10 hari pertama bulan Zulhijjah ini. Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda yang maksudnya:



“Tidak ada hari-hari yang lebih besar dan lebih dicintai oleh Allah supaya kita beramal di dalamnya melainkan 10 hari pertama bulan Zulhijjah. Maka perbanyakkanlah bertahlil, bertakbir dan bertahmid.”

﴿ Hadis Riwayat Imam At-Tabarani ﴾

Disyariatkan juga untuk bertakbir setelah solat subuh pada Hari Arafah hingga akhir Hari Tasyrik.

Ketiga: Rasulullah ﷺ bersaksi bahawa 10 hari tersebut termasuk hari-hari yang paling utama sebagaimana sabda Baginda ﷺ:

مَا مِنْ أَيَّامِ الْعَمَلِ أَفْضَلُ مِنْ أَيَّامِ الْعَشْرِ

Maksudnya: *“Tiada hari-hari amalan yang dilakukan padanya menjadi afdhal berbanding 10 hari awal Zulhijjah.”*

﴿ Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari ﴾

Keempat: Hari Arafah adalah kemuncak kepada ibadah haji dan ia merupakan rukun haji yang sangat agung. Nabi ﷺ bersabda:

الْحَجُّ عَرَفَةُ

Maksudnya: *“Haji itu wuquf di Arafah.”*

﴿ Hadis Riwayat At-Tirmizi ﴾



Pada waktu ini juga, sebahagian jemaah dari Malaysia, termasuk di kalangan ahli keluarga kita, telah pun berada di tanah suci untuk melaksanakan ibadah haji. Marilah kita mendoakan kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan mereka untuk melaksanakan rukun Islam yang kelima ini. Semoga mereka semua mendapat haji yang mabrur.

Kelima: Hari Raya Aidil Adha dan pelaksanaan ibadah korban. Firman

Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ۝

Maksudnya: *“Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).”*

﴿Surah al-Kausar ayat 2﴾

Diingatkan juga, bagi sesiapa yang melakukan ibadah korban, disunatkan untuk tidak memotong kuku dan rambutnya apabila masuknya 1 Zulhijjah sehingga disembelih haiwan korbannya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Selain itu, kita sangat dianjurkan untuk berpuasa terutamanya pada hari kesembilan bulan Zulhijjah. Diriwayatkan daripada sebahagian isteri Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**, mereka berkata:

*“Bahawa Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** biasanya berpuasa pada hari kesembilan hari bulan Zulhijjah, Hari Asyura, tiga hari pada setiap bulan, dan hari Isnin pertama awal bulan serta Hari Khamis.”*



﴿Hadis Riwayat Abu Daud﴾

Dalam hadis lain, daripada Abi Qatadah bahawa Rasulullah telah ditanya tentang Hari Arafah, Baginda bersabda:

يُكْفَرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ وَالْبَاقِيَةَ

Maksudnya: *“Puasa pada Hari Arafah (9 Zulhijjah), aku berharap kepada Allah, Dia akan menghapuskan dosa setahun yang lalu dan akan datang.*

﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

Jumhur ulamak berpendapat bahawa dosa-dosa yang dihapus dengan puasa Arafah ini iaitu dosa-dosa kecil. Adapun dosa-dosa besar, maka wajib bertaubat kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Seterusnya, kita dianjurkan untuk terus memperbanyakkan amal-amal soleh dan ketaatan kepada Allah seperti bersedekah, membaca Al-Quran, berbakti kepada kedua ibu bapa dan lain-lain lagi. Semoga kita semua dibimbing oleh Allah untuk terus melaksanakan amal-amal soleh dalam usaha meningkatkan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan;

Pertama: Bulan Zulhijjah memiliki beberapa keistimewaan dan keutamaan yang perlu kita manfaatkan dengan melaksanakan amal-amal soleh yang dianjurkan.



Kedua: Terdapat banyak amalan soleh yang boleh kita lakukan pada 10 hari pertama bulan Zulhijjah sebagaimana yang telah diajarkan oleh Baginda Rasulullah ﷺ.

Ketiga: Begitu banyak tawaran dan ganjaran bagi hamba-hamba yang melakukan amal soleh menunjukkan betapa kasihnya Allah ﷻ kepada kita dan supaya kita merebut peluang yang ada untuk mencapai redha-Nya.

Firman Allah ﷻ:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.”

﴿Surah al-Ankabut ayat 69﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua Bulan Jun

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلَايِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul
Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta,



memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥١﴾

